

Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@
hmetro.com.my

Antara golongan paling mencuri tumpuan pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 nanti pastinya golongan mahasiswa.

Selepas pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), golongan itu kini bebas membuat percaturan untuk terjun ke dunia politik.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Zaid Ahmad berkata, segalanya terserah kepada mahasiswa kerana mereka boleh membabitkan diri dalam politik tanpa sekatan.

Beliau berkata, kebebasan itu bukan saja menimbulkan keterujaan kepada golongan itu malah masyarakat juga mahu melihat bagaimana hasil diperolehi sejajar pindaan AUKU.

"Pertama kali bergelar pengundi dan diberi peluang menjalankan tang-



gungjawab sebagai warga negara pasti ada ke-lainannya.

"Jika sebelum ini, tangan mereka terikat, selepas pindaan itu mahasiswa layak menggunakan kebebasan itu tanpa dibelenggu kekeliruan hak," katanya.

Beliau berkata, mahasiswa yang layak mengundi mencetuskan satu episod baru dalam arena politik negara kerana mereka bebas dalam proses perjalanan politik di negara ini.

"Dulu, pergerakan me-

"Mahasiswa yang layak mengundi mencetuskan satu episod baru dalam arena politik negara kerana mereka bebas dalam proses perjalanan politik di negara ini"

*Profesor Madya
Dr Zaid Ahmad*

reka terbatas dan tidak tahu hala tuju kerana terikat dengan AUKU.

"Kini, apabila AUKU dipinda, mereka tidak lagi dibelenggu dengan isu-isu ketidakpastian ini.

"Mereka boleh terbabit sepenuhnya dalam proses per-

jalan politik negara sama seperti mereka orang lain walaupun masih bergelar pelajar," katanya mengakui proses itu satu anjakan paradigma dan sikap keterbukaan pihak yang mahu mendengar suara serta kehendak mahasiswa.

"Apabila AUKU dipinda, memang kedengaran suara-suara yang melahirkan ke-bimbangan. Tapi ia perlu dilihat dalam konteks positif.

"Ia adalah proses pembelajaran jangka panjang untuk pembangunan mahasiswa. Mahu atau tidak, sampai ma-

sanya mereka akan terba-bit juga.

"Justeru, daripada terus diberi kongkongan atau tekanan, biarkan mereka merasai suasana itu," katanya.

Lambat atau cepat katanya, ia bukan isu perlu difikirkan tapi kesan daripada pendedahan itu yang penting.

"Sebagai masyarakat, kita perlu berfikir terbuka dan sanggup menerima hakikat bahawa setiap langkah pertama adalah cabaran untuk belajar menangani sebarang kemungkinan.

"Malah, ramai yang mahu mahasiswa diberi kebebasan terbabit dalam proses yang boleh memberi impak kebaikan kepada negara.

"Kita tidak boleh bersifat mengongkong walaupun dalam sesetengah situasi ia memang perlu. Apa yang penting kita beri panduan yang betul supaya mahasiswa tidak tersasar atau diperalatkan," katanya.

Ditanya apakah kemungkinan pembabit mahasiswa boleh mencetuskan kekecohan, katanya tidak perlu ada ke-gusaran kerana golongan



Mahasiswa perlu bijak membuat penilaian supaya kebebasan yang diberikan tidak tersasar. - Gambar hiasan

terbabit matang dan pandai menilai tindakan masing-masing.

“Sebelum ini, biarpun diikat dengan perjanjian AUKU, mereka tetap mahu bertindak dan bersuara walaupun tahu risikonya. Jadi apa bezanya kini?”

“Daripada membiarkan mereka berterusan membuat tindakan salah, mengapa tidak berikan kepercayaan seperti yang dipinta.

“Imej tidak tercalar malah mereka memperoleh ilmu dan pengalaman yang tiada dalam buku dan dewan kuliah.

“Saya percaya apabila masyarakat mempercayai mereka, impaknya amat baik malah golongan itu juga mahu membuktikan mereka mampu berkhidmat kepada masyarakat,” katanya.

Bagaimanapun, beliau bersetuju kebebasan diberikan itu perlu mengikut undang-undang.

“Apa yang dinikmati mahasiswa sama seperti orang lain. Mereka tetap



MAHASISWA adalah aset penting negara dan meneruskan kesinambungan kepimpinan sedia ada.

- Gambar hiasan

tertakluk kepada undang-undang dan peraturan.

“Jangan jadikan tiket sebagai mahasiswa untuk memperoleh keistimewaan dan melakukan di luar undang-undang kerana ia memberi impak negatif ke-

pada masyarakat,” katanya.

Beliau mahu mahasiswa menjadikan proses ini sebagai mekanisme dan peminat pembelajaran paling efektif bagi meningkatkan kualiti sebagai bakal pemimpin.

“Tunjukkan kepada masyarakat, mahasiswa hari ini sudah melangkah frasa baru yang lebih baik serta melalui transisi angin perubahan baru dalam sistem politik negara,” katanya.



PELUANG yang diberikan kepada mahasiswa sebagai pengundi kali pertama perlu dilaksanakan dengan sebaiknya, sekali gus memberi imej positif kepada masyarakat. - Gambar hiasan